



KEMENTERIAN SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR
DAN PERUBAHAN IKLIM

SIARAN MEDIA

LAWATAN YB MENTERI NRECC KE PROJEK PAKEJ D44 PEMBINAAN RANGKAIAN PAIP PEMBETUNGAN DI BUNUS, KUALA LUMPUR

YB Nik Nazmi Nik Ahmad, Menteri Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC) telah mengadakan lawatan kerja ke Projek Pakej D44 Pembinaan Rangkaian Paip Pembetungan Di Bunus, Kuala Lumpur (Reka & Bina) yang dilaksanakan pada tahun 2014 dan sehingga kini telah mencapai kemajuan sebanyak 92.18%.

Projek di bawah Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC) dengan Jabatan Perkhidmatan Pembetungan (JPP) sebagai agensi pelaksana ini melibatkan peruntukan pembangunan berjumlah RM393 juta.

Ia merupakan sebahagian daripada inisiatif River of Life Greater KL untuk meningkatkan kualiti air sungai dengan penumpuan kepada kawalan pencemaran kumbahan di kawasan tadahan pembetungan Bunus.

Skop projek meliputi reka bentuk dan pembinaan rangkaian paip pembetungan sepanjang 55km, naik taraf dua (2) stesen pam utama KLR 289 dan KLR 030 masing-masing kepada kapasiti baharu 650,000 PE dan 570,000 PE. Sejumlah lapan (8) unit loji akan dinaik taraf kepada stesen pam bagi melengkapkan sistem rangkaian paip pembetungan.

Projek ini turut melibatkan sejumlah 66 loji rawatan kumbahan awam sedia ada, loji-loji di tujuh (7) premis Kerajaan serta lima (5) stesen pam akan dinyahtauliah di akhir fasa pelaksanaan projek ini.

Pakej D44 melibatkan dua (2) kawasan pentadbiran Pihak Berkuasa Tempatan iaitu Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) meliputi kawasan Jalan Gombak, Setapak, Jalan Genting Klang, Jalan Ayer Panas, Jalan Ayer Keroh, Jalan Datuk Keramat, Jalan Gurney dan Jalan Maktab serta Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) meliputi kawasan Kg Melayu Ampang, Jalan Kerja Ayer Lama, Taman Melawati, Kemensah, AU5, AU4, AU3, AU2, AU1 dan Jalan Enggang.

Ia mengalami kelewatan daripada tarikh penyiapan asal iaitu pada Februari 2018 dan kontraktor telah diberi pelanjutan masa sehingga 22 November 2023 untuk menyiapkan kerja-kerja di tapak sepenuhnya.

Kelewatan projek adalah disebabkan beberapa faktor seperti pertindihan kawasan kerja dengan pihak ketiga, penangguhan kerja semasa tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), profil tanah tidak stabil dan berbatuan keras yang memberi kesan kepada produktiviti kerja serta isu kewangan pihak kontraktor.

Pihak NRECC dan JPP sedia maklum kelewatan penyiapan projek telah mengundang rungutan daripada orang awam dan menimbulkan persepsi negatif ke atas pelaksanaan projek. Pihak kontraktor telah diarahkan untuk mengambil tindakan sewajarnya bagi menyejajarkan penyiapan kerja terutamanya di kawasan-kawasan kritikal seperti di hadapan Pasar Ayer Panas, Jalan Enggang, kawasan AU5 dan AU4 serta di Jalan Maktab.

Pihak kontraktor juga diingatkan untuk sentiasa memastikan keteraturan kawasan kerja bagi meminimalkan gangguan trafik dengan pematuhan kepada Pelan Pengurusan Trafik, menyelenggara jalan-jalan yang rosak serta memasang papan tanda hebahan maklumat projek.

Pemantauan ke atas prestasi dan kualiti kerja kontraktor akan diteruskan dari semasa ke semasa. NRECC bersama agensi-agensinya seperti JPP, Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) dan Indah Water Konsortium (IWK) komited untuk memastikan projek ini dapat disiapkan segera dan objektif penyediaan infrastruktur pembedungan yang lebih baik, berkesan dan efisien dapat dicapai yang seterusnya dapat menyumbang dalam menjaga sumber air dan alam sekitar negara.

**KEMENTERIAN SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM
(NRECC)**

18 JULAI 2023

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC)
Tel.: 03-8000 8000 | Faks : 03-8889 4763

